

01 JUL 1996

Hakim-Jawatan

KETUA HAHIM NEGARA SAHKAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tan Sri Eusoff Chin hari ini mengesahkan bahawa Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah Idid telah meletak jawatan.

Bagaimanapun Syed Ahmad tidak menyatakan sebab-sebab perletakan jawatannya yang berkuatkuasa hari ini, kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini petang ini.

Eusoff sebelum itu menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar untuk mempersembahkan surat perletakan jawatan Syed Ahmad yang bertarikh hari ini.

Baginda berkenan kepada perletakan jawatan Syed Ahmad.

Beliau berkata perletakan jawatan Syed Ahmad juga telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu lepas dan Perdana Menteri tidak mempunyai halangan terhadapnya.

Sabtu lepas, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah ketika mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Cina berkata seorang Hakim Mahkamah Tinggi akan meletakkan jawatan.

Mohtar tidak menjelaskan sama ada perletakan jawatan itu berkaitan penyebaran surat layang yang menuduh berlaku penyelewengan dalam badan kehakiman.

Mengikut fasal 125 (2) dan (5) Perlembagaan Persekutuan, seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan boleh meletakkan jawatan dengan mengemukakan surat secara bertulis dan dialamatkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Eusoff berkata seseorang hakim yang ingin meletakkan jawatan juga tidak dikehendaki memberi sebarang alasan dan perkara itu telah diterangkan kepada Syed Ahmad Idid oleh Ketua Pendaftar Mahkamah.

Ketika ditanya sama ada perletakan jawatan Syed Ahmad Idid berkaitan dengan penyebaran surat layang itu, beliau berkata : "Oleh kerana dia (Syed Ahmad Idid) tidak menyatakan sebab kenapa dia meletakkan jawatan, saya tidak boleh mengatakan ianya ada kaitan dengan surat layang".

"Saya tidak boleh kata sama ada dia terbabit atau tidak. Saya tidak memiliki kertas penyiasatan yang dijalankan oleh polis dan Badan Pencegah Rasuah dan saya tidak dapat memperkatakan dia penulis surat itu atau terbabit.

"Saya percaya Peguam Negara akan mengumumkan perkara itu bila tiba masanya kerana ia dalam bidang kuasanya, jadi saya tidak tahu menahu berhubung perkara itu," katanya.

Beliau berkata sepanjang ingatannya ia adalah kali pertama seorang hakim Mahkamah Tinggi meletak jawatan.

Ditanya atas asas apa Perdana Menteri tidak berhalangan terhadap perletakan jawatan itu sedangkan tiada sebab diberikan, Eusoff berkata: "Itu adalah kehendak hakim berkenaan dan jika beliau tidak mahu berkhidmat lagi, kita tidak boleh memaksa".

Awal tahun ini, Peguam Negara telah mengarahkan polis dan BPR menjalankan siasatan berhubung penyebaran surat layang itu yang mendakwa berlaku perbuatan rasuah dalam badan kehakiman.

Ditanya sama ada beliau diberi taklimat mengenai siasatan oleh polis dan BPR, Eusoff berkata bahawa beliau tidak diberi taklimat mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau tahu mengenai kenyataan Peguam Negara bahawa orang yang bertanggungjawab menulis surat layang itu telah dikenal pasti.

Mengenai sama ada Syed Ahmad Idid akan menerima sebarang ganjaran seperti pencen dengan perletakan jawatannya, Eusoff berkata mengikut Akta Saraan Hakim, Syed Ahmad Idid tidak layak menerima pencen.

Ini kerana mengikut akta itu hanya hakim yang meletakkan jawatan atas sebab kesihatan dan berumur lebih 60 tahun sahaja yang layak menerima pencen.

Menjawab soalan lain, beliau berkata perbuatan menulis surat layang seperti itu sudah tentu mencemarkan badan kehakiman dan menjejaskan semangat hakim.

"Jika penulisnya seorang hakim... beliau tidak layak memegang jawatan itu kerana perbuatan itu mengkhianati institusinya sendiri," kata Eusoff.

Mereka yang dikena pasti sebagai penulis surat layang itu boleh didakwa di Mahkamah Majistret, katanya.

Kepada soalan adakah dakwaan dalam surat layang itu benar, beliau dengan tegas berkata semuanya adalah palsu. -- BERNAMA

RHM NHD MAI